

# Penghantaran bekalan terjejas

**KOTA TINGGI** 21 Dis. – Keadaan banjir yang semakin buruk di daerah ini hari ini dengan beberapa batang jalan raya dinaiki air melebihi satu meter menyebabkan

bekalan makanan ke sebahagian pusat penempatan sementara terputus.

Hujan lebat yang berlarutan sejak pukul 9 malam semalam menyebabkan beberapa ka-

wasan dinaiki air secara mendadak dan memaksa operasi pemindahan mangsa digiatkan.

Keadaan bertambah buruk apabila dua

pusat penempatan sementara turut ditenggelami air iaitu Sekolah Agama Taman Kota Jaya dan Balai Raya Taman Kota Raya di sini.

Mangsa banjir di kedua-dua pusat berkenaan telah dipindahkan ke Sekolah Menengah Agama Taman Kota Jaya dan Sekolah Menengah Taman Kota Jaya.

Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Dr. Adham Baba berkata, keadaan banjir di Kota Tinggi bertambah buruk kerana selain paras air di Sungai Johor berada di paras bahaya, air di Empangan Linggiu juga terpaksa dilepaskan bagi mengelak empangan itu pecah.

Menurutnya lagi, kebanyakan rumah di sekitar bandar Kota Tinggi ditenggelami air sehingga mencecah ke paras bumbung.

“Mereka yang tinggal di rumah dua tingkat masih terperangkap di bahagian tingkat atas rumah masing-masing.

“Lebih membimbangkan, bantuan makanan tidak mencukupi dan ada yang terputus terus hingga ada mangsa yang tidak dapat makan sejak dari pagi,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Adham menambah, keadaan diburukkan lagi apabila agensi-agensi kerajaan juga menghadapi masalah berikutan kenderaan berat seperti lori rosak dan kehabisan bekalan minyak.

Seorang mangsa yang ditempatkan di Sekolah Menengah Taman Kota Jaya, **Tan Lye Hee**, 47, berkata, keadaan di pusat penempatan tersebut makin padat ekoran bilangan mangsa yang semakin bertambah.

“Keadaan bertambah buruk kerana bantuan bekalan seperti makanan, tikar dan selimut tidak mencukupi,” ujar-nya.

Seorang lagi mangsa, **Azman Men**, 39, memberitahu, berlaku perselisihan faham di antara mangsa kerana berebut-rebut ma-

kanan.

“Bekalan ada yang terputus,” jelasnya.